



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

SIARAN MEDIA

MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN KONSESI SISTEM PENTADBIRAN TANAH SECARA ELEKTRONIK (e-TANAH) BAGI PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR DAN PEJABAT-PEJABAT DAERAH DAN TANAH NEGERI SELANGOR

Perjanjian Konsesi Sistem e-Tanah Negeri Selangor secara Kerjasama Awam Swasta telah ditandatangani pada hari ini oleh YBhg. Datuk Zurinah binti Pawanteh, Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga dan Sumber Asli yang mewakili Kerajaan Persekutuan, YB. Dato' Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor mewakili Kerajaan Negeri Selangor dan Tuan Syed Azmin Syed Nor, Pengerusi Eksekutif Puncak Tegap Sdn Bhd. selaku syarikat konsesi bagi projek ini. Majlis tersebut telah disaksikan oleh YB. Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan, Menteri Tenaga dan Sumber Asli, YAB. Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor dan Encik Nigel Lee, Ketua Pegawai Eksekutif Puncak Tegap Sdn. Bhd. Majlis telah diadakan di Shah Alam, Selangor.

Sistem e-Tanah secara Kerjasama Awam Swasta merupakan projek oleh Kerajaan Persekutuan untuk membangunkan sistem pengurusan dan pentadbiran tanah yang bersepadu di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Pelaksanaan Sistem e-Tanah merupakan salah satu bukti komitmen berterusan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli dalam merealisasikan perkhidmatan urusan pentadbiran tanah yang lebih pantas, cekap dan efisien. Ini adalah selaras dengan matlamat Bajet 2022 yang bertemakan "Keluarga Malaysia, Makmur Sejahtera" di mana salah satu daripada strategi yang telah dirangka adalah untuk Mendukung Penyampaian Perkhidmatan Awam melalui inisiatif Pembaharuan Penyampaian Perkhidmatan.

Bermula dengan kejayaan pelaksanaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada tahun 2017, Kerajaan telah memutuskan untuk meneruskan peluasan pelaksanaan Sistem e-Tanah secara Kerjasama Awam Swasta ini di lapan (8) negeri dan dua (2) Wilayah

Persekutuan yang lain. Sehingga Oktober 2021, Sistem e-Tanah Kerjasama Awam Swasta ini telah berjaya dibangunkan dan digunakan di Negeri Perak iaitu bermula pada 11 Februari 2021 serta Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan bermula pada 29 Oktober 2021. Peluasan ke negeri-negeri lain sedang giat dilaksanakan dengan mengikut jadual dan perancangan. Adalah dijangkakan Sistem e-Tanah ini akan dapat diguna pakai sepenuhnya di negeri-negeri lain pada tahun 2024 kelak.

Dengan termeterainya Perjanjian Konsesi Sistem e-Tanah Negeri Selangor, pembangunan bagi Sistem e-Tanah akan dimulakan di pentadbiran tanah Negeri Selangor dan dijangka selesai dibangunkan serta dapat diguna pakai pada tahun 2023.

Pengoperasian sepenuhnya sistem ini kelak akan memberi manfaat kepada rakyat di mana pelbagai urusan dalam perkhidmatan pentadbiran tanah seperti carian persendirian, pembayaran cukai, semakan status permohonan boleh dilaksanakan secara atas talian. Ini juga sekali gus akan dapat meningkatkan lagi kutipan hasil Kerajaan Negeri Selangor serta menyumbang kepada memacu pembangunan ekonomi negara dan kesejahteraan rakyat.

Kementerian ini sentiasa komited untuk memastikan penyampaian perkhidmatan pentadbiran tanah sentiasa relevan seiring dengan keperluan dan ekspektasi rakyat menerusi pengukuhan kolaborasi strategik melibatkan pihak berkepentingan terutamanya Kerajaan-kerajaan Negeri.

KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

2 DISEMBER 2021

